



Pelestarian Makyung

SEBAGAI WARISAN KEBUDAYAAN DUNIA

Seni persembahan makyung merupakan seni warisan yang mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu, UNESCO sebagai Karya Agung Warisan Tidak Ketara pada September 2005. Warisan Tidak Ketara ini terdedah dengan ancaman kepupusan terhadap perubahan zaman dan ditambah dengan kekurangan sokongan, penghargaan dan kesedaran dalam kalangan masyarakat kini.

Makyung merupakan dramatari Melayu tertua yang menggabungkan kisah-kisah cinta, drama, magis, lawak jenaka, tarian, nyanyian dan muzik di dalam satu persembahan. Sejak dari kurun 18 dan 19 atau lebih awal dari itu, permainan makyung, atau juga dikenali sebagai Ma'yong, merupakan satu-satunya hiburan yang sangat digemari dalam kalangan raja-raja Patani dan Kelantan. Melalui penceritaan sejarah lisan yang dilaksanakan oleh Tan Sri Mubin Sheppard kepada tokoh makyung, iaitu Puan Khatijah Awang, tentang sejarah makyung, makyung mula berkembang di Kelantan semasa pemerintahan Sultan Ismail yang merupakan Sultan Muhammad IV. Baginda memberikan sokongan yang padu terhadap persembahan makyung di Kelantan pada masa itu.

Pada ketika itu permainan makyung dibawa masuk melalui Istana Petani ke Kelantan dan diajar kepada sekumpulan makyung di Kampung Tengku Temenggong. Permainan makyung terus berkembang di seluruh Kelantan melalui proses pembelajaran yang dijalankan pada ketika itu. Kumpulan-kumpulan makyung di istana pada masa itu diketuai oleh Tengku Temenggong Jaafar yang merupakan seorang budayawan daripada keturunan Raja Patani. Beliau boleh bermain dan mengajar makyung, termasuklah nyanyian, tarian dan alunan alat muzik, selain bermain permainan lain seperti menora, wayang kulit dan main puteri.

Setelah beliau meninggal dunia, kumpulan makyung di Kampung Temenggong mula keluar dan membentuk kumpulan sendiri, sama ada berbentuk persembahan ritual atau komersial. Malah, ada juga kumpulan makyung yang berpindah keluar dari negeri Kelantan, seperti ke Kedah, Perlis dan sebagainya. Hal ini terjadi

Sejak dari kurun 18 dan 19 atau lebih awal dari itu, permainan makyung, atau juga dikenali sebagai Ma'yong, merupakan satu-satunya hiburan yang sangat digemari dalam kalangan raja-raja Patani dan Kelantan.

apabila Sultan Kelantan tidak lagi menaungi makyung. Maka itu, kumpulan-kumpulan makyung mula membuat pertunjukan di luar istana untuk dipertontonkan kepada orang ramai dengan mengenakan tiket atau bayaran di tempat kenduri kahwin ataupun berubat orang sakit.

Dalam situasi ini, masyarakat semakin sukar untuk menikmati persembahan makyung. Hal ini terjadi termasuklah disebabkan oleh pengharaman persembahan makyung di Kelantan pada tahun 1990-an. Hal ini berpunca kerana persembahan makyung dikatakan bertentangan dengan ajaran Islam; percampuran jantina dalam satu persembahan dan penceritaan yang bertentangan dengan syariat. Malah, keadaan bertambah buruk apabila negara kehilangan beberapa tokoh makyung, seperti primadona Khatijah Awang, Che Kemala Muhammad, Abdullah Awang, Che Som kenangan, Abdullah Hmad @ Daud, Usman Gumanti, Pak Husin Keroncong, Mak Nab Raja dan banyak lagi.

Namun begitu, selepas 28 tahun, gandalan terhadap pementasan makyung berakhir maka pada 24 Mei 2019, kerajaan Kelantan membenarkan pementasan awam teater



Persembahan makyung mula berkembang di Kelantan semasa pemerintahan Sultan Muhammad IV.

makyung dengan berpaksikan kepada syariah Islam. Hal ini merupakan satu garis permulaan baharu yang perlu dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat dalam melestarikan seni kebudayaan dunia ini. Antara inisiatif penting yang perlu dilakukan termasuklah pendokumentasian cerita-cerita makyung yang masih belum dipentaskan atau dipersembahkan kepada awam. Hal ini penting untuk mengharmonikan dan menggiatkan lagi perlindungan seni budaya ini.

Secara umumnya, cerita makyung berasal daripada sumber Melayu tulen yang tidak sekali-kali disadurkan, disesuaikan atau berasal dari India, Indonesia ataupun Thailand. Setiap cerita ini akan dilakukan secara spontan dan mengikut kreativiti setiap watak dengan berpaksikan kepada tunjang cerita makyung. Mubin Sheppard menyenaraikan 11 cerita makyung dan menyatakan cerita-cerita ini hanya diperturunkan secara lisan dan tiada sebarang penulisan ditemui.

Manakala, Ghulam Sarwar pula menyenaraikan 12 cerita makyung dan menganggapnya sebagai koleksi cerita makyung yang lengkap. Sementara itu, menurut kajian yang dijalankan oleh Mohamed Afandi, beliau membahagikan cerita makyung kepada lima kumpulan utama bagi 12 cerita makyung yang mempunyai kesinambungan cerita antara satu sama lain. Namun begitu, Mohd Ghouse Nasaruddin pula menyenaraikan 15 cerita makyung dan menyatakan bahawa kesemuanya ialah legenda tempatan dan tradisi.

Semasa zaman kegemilangan seni persembahan makyung, seni ini bukan sahaja menerima undangan dan jemputan daripada penganjur untuk dipertontonkan kepada khalayak tempatan, malah mendapat sambutan pada peringkat antarabangsa. Kumpulan Sri Temenggong misalnya, dipilih untuk mewakili Malaysia dalam Festival of Continent 1990 di Bonn, Jerman Barat sempena ulang tahun ke-200 bandar raya itu. Malah, persembahan yang sama juga diadakan di bandar lain di Eropah, seperti Munich, Berlin, Boston, Paris dan

Gedombak merupakan sejenis alat muzik tradisional yang digunakan dalam pementasan makyung.



Serunai yang digunakan dalam pementasan makyung.

Amsterdam. Selain itu, kumpulan ini turut menerima undangan persembahan di Indonesia pada tahun 1971 dan di Singapura pada tahun 1977, 1995 dan 1996.

Pada awalnya, seni persembahan makyung ini didokumentasikan oleh seorang tokoh budaya yang begitu mencintai seni warisan makyung, iaitu Allahyarham Tan Sri Mubin Shepard. Beliau membuat kajian dan penyelidikan tentang asal satu-satu cabang kebudayaan negara kita walaupun kajiannya memakan masa puluhan tahun. Beliau berdamping dengan penggiat makyung di Kelantan selama lebih 30 tahun, iaitu sejak tahun 1951. Dalam kegigihan beliau yang begitu lama menghayati makyung, beliau melahirkan sembilan penulisan berbagai bentuk yang diterbitkan di dalam dan di luar negara sejak 1960 hingga 1982.

Selain daripada penulisan ilmiah mengenai seni persembahan makyung, beliau juga mendokumentasikan 11 cerita-cerita makyung melalui siri terbitan komik yang berwarna-warni yang diterbitkan melalui akhbar Mingguan Malaysia. Siri komik ini diterbitkan pada tahun 1985 hingga 1990, iaitu selama lima tahun dan komik tersebut dilukis oleh seorang pelukis terkenal dari Kelantan yang dikenali sebagai Abdullah Ibrahim.



Pada tahun 1967, Mubin Sheppard yang memegang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Muzium pada ketika itu membantu seorang pakar muzik Asia iaitu Profesor William Malm dari Universiti Michigan, Amerika Syarikat untuk membuat rakaman cerita-cerita makyung.

Rakaman pita video hitam putih selama 90 jam itu mengambil masa 32 malam untuk merakamkan 11 cerita makyung. Antara cerita makyung yang dirakamkan termasuklah *Andera Muda*, *Raja Muda Laleng*, *Raja Dua Serupa*, *Dewa Muda*, *Anak Raja Gondang*, *Bongsu Sakti*, *Ijau-ijau Intan Permata*, *Puteri Timun Muda*, *Raja Tangkai Hati*, *Gading Bertimang* dan *Raja Muda Lembek*.

Koleksi rakaman ini juga dibuat salinan untuk disimpan di Muzium Negara pada ketika itu, namun koleksi tersebut terlibat dalam kecelakaan kebakaran di Muzium Negara yang memusnahkan hampir keseluruhan koleksi muzium pada tahun 1990. Setelah pemergian Mubin Sheppard, usaha untuk mendapatkan kembali rakaman ini seolah-olah terhenti begitu sahaja.

Usaha pendokumentasian seni persembahan makyung di Malaysia bermula apabila Persidangan Perwakilan Antarabangsa yang diadakan pada Januari 1972 di Dewan Bahasa dan Pustaka mengesyorkan tindakan dokumentasi dan kajian terhadap lakonan dan muzik makyung untuk memastikan seni persembahan ini kekal terjaga sebagai sebuah warisan kebudayaan negara. Oleh sebab itu, Mubin Sheppard menghantar laporan kepada *Consell International de la Musique Council*, UNESCO untuk mendapatkan bantuan bagi merakam keseluruhan cerita klasik makyung. Usaha ini mendapat perhatian Dewan Bahasa dan Pustaka untuk merakam video dokumentari yang bertajuk "Warisan Sastera Klasik: Mak Yong".

Aspek penceritaan merupakan prinsip pertama yang perlu di analisa untuk mengenal pasti ruang liputan maklumat seni persembahan makyung yang disimpan dan diselenggarakan di setiap agensi Institusi Warisan Negara (IWN). Walau bagaimanapun, sehingga kini, tidak banyak elemen penceritaan yang disimpan daripada keseluruhan koleksi di Jabatan Muzium Malaysia.

Tidak cukup dengan itu, terdapat juga usaha pendokumentasian lain yang cuba dilakukan oleh Mubin Sheppard, seperti rakaman pementasan makyung pada 10 April 1974 untuk dipertontonkan kepada wakil daripada *Institute for Comparative Music Studies*, Berlin Barat, iaitu Rudolf Heinemann, di Dewan Sekolah Zainab, Kota Bharu. Hasil daripada persembahan ini, jelajah persembahan makyung diadakan di Eropah dan dirakamkan sebagai siri koleksi piring hitam UNESCO.

Selain Mubin Sheppard, Ghulam Sarwar Yousuf juga merupakan aktivis pendokumentasian makyung melalui kajian sarjana beliau. Antara koleksi dokumentasi beliau termasuklah rakaman audio dan visual persembahan makyung



Alatan muzik utama dalam pementasan makyung: tetawak, gendang dan rebab.

Cara yang paling berkesan untuk melindungi makyung ialah dengan mempersembhkannya kepada masyarakat, terutamanya generasi muda, secara berterusan agar seni persembahan ini terus kekal berada di hati mereka. Selain itu, seni warisan kebudayaan juga mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan sebagai produk pelancongan kebudayaan.

oleh Abdullah Awang, Pak Hassan Jambi, Mek Zainab Raja, Mak Mah Hussein, Keronchong dan pelakon veteran yang lain; 2000 keping gambar dan slaid yang meliputi persembahan makyung, kostum, solekan dan sebagainya; penulisan skrip tiga cerita makyung iaitu Dewa Muda, Dewa Pechil dan Anak Raja Gondang; dan rakaman lirik dan lagu melalui kerjasama bersama Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) di Kota Bharu.

Walau bagaimanapun, kesemua koleksi rakaman ini disimpan secara persendirian dan tidak didepositkan di mana-mana institusi bagi tujuan pengekalan, pemeliharaan atau pendidikan kepada masyarakat. Hal ini sedikit sebanyak memberikan kesan kepada pendokumentasian koleksi warisan negara apabila aktivis tidak menyumbangkan koleksi yang berharga ini kepada agensi yang terlibat sebagai sumber yang dapat membantu kesinambungan hayat sesebuah warisan agar dapat diakses oleh generasi muda pada hari ini.

Aspek penceritaan merupakan prinsip pertama yang perlu di analisa untuk mengenal pasti ruang liputan maklumat seni persembahan makyung yang disimpan dan diselenggarakan di setiap agensi Institut Warisan Negara (IWN). Walau bagaimanapun, sehingga kini, tidak banyak elemen penceritaan yang disimpan daripada keseluruhan koleksi di Jabatan Muzium Malaysia. Hal ini disebabkan oleh hanya memfokuskan nilai dan bentuk koleksi makyung yang menggambarkan peredaran perubahan seni persembahan ini.

Manakala koleksi di Perpustakaan Negara Malaysia pula, kebanyakannya berkisarkan tentang penceritaan melalui koleksi monograf, terbitan dan audiovisual yang didepositkan daripada beberapa agensi kebudayaan yang lain. Hasil analisa yang dijalankan, penulis mendapati bahawa terdapat koleksi monograf yang menerangkan penceritaan tentang makyung serba ringkas yang meliputi sejarah, watak-watak dalam makyung, alatan muzik yang digunakan, cerita, busana, lagu

dan banyak lagi. Manakala koleksi daripada terbitan dan audiovisual pula mengandungi maklumat tentang sesebuah cerita makyung dengan terperinci tetapi hanya memfokuskan kepada satu-satu cerita sahaja. Sebagai contoh, pita video yang mengandungi persembahan daripada kumpulan Mak Yong Seri Nilam Istana Budaya yang mengisahkan tentang cerita makyung yang bertajuk 'Endeng Tejeli'.

Berbeza dengan Arkib Negara Malaysia, elemen penceritaan merupakan elemen yang paling meluas dan banyak disimpan di agensi ini. Hal ini kerana kebanyakan koleksi yang disimpan di sini adalah daripada sumber koleksi peribadi daripada peminat tegar seni persembahan ini dan banyak maklumat tentang cerita-cerita makyung secara terperinci. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa koleksi cerita makyung yang tersimpan di IWN sememangnya masih tidak lengkap dan memerlukan projek pendokumentasian yang khas untuk memastikan kesemua 12 cerita makyung yang lengkap, asli dan autentik.

Perlindungan seni Warisan Tidak Ketara, terutamanya seni persembahan makyung berbeza daripada warisan ketara kerana warisan ini berbentuk abstrak dan visual. Cara yang paling berkesan untuk melindungi



Watak utama dalam pentas makyung, iaitu Pakyung.

makyung adalah dengan mempersembhkannya kepada masyarakat, terutamanya generasi muda, secara berterusan agar seni persembahan ini terus kekal berada di hati mereka. Selain itu, seni warisan kebudayaan juga mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan sebagai produk pelancongan kebudayaan. Oleh hal yang demikian, aktivis dan para budayawan perlu menggiatkan lagi usaha dalam menghadirkan kepelbagaian cerita-cerita makyung.

Dalam hal ini, hanya lima cerita makyung yang selalu dipentaskan, antaranya termasuklah *Endeng Tejeli*, *Dewa Indera – Indera Dewa*, *Raja Tangkai Hati*, *Nik Kecik Dewa Muda* dan *Anak Raja Gondang*, sedangkan masih terdapat lapan cerita makyung yang masih belum dipentaskan. Sinopsis cerita ini terdapat di Arkib Negara Malaysia yang memerlukan ahli budayawan dan penggiat makyung menterjemahkan dan memindahkannya ke dalam bentuk persembahan pentas. Hal ini mampu memeriahkan lagi seni kebudayaan ini dengan kepelbagaian corak persembahan, seterusnya mengembangkannya ke peringkat yang lebih tinggi, terutamanya bidang pendidikan pengajian tinggi.

Selain itu, kajian turut mengenal pasti dua cerita makyung yang masih tidak didokumentasikan di mana-mana agensi IWN, iaitu cerita *Raja Besar dalam Negeri Ho Gading* dan *Bedara Muda*. Oleh hal yang demikian, agensi IWN serta para penggiat dan budayawan makyung perlu memberikan perhatian terhadap dua cerita ini sebelum pupus dan lenyap ditelan zaman. Terdapat beberapa cara yang dapat diadaptasi dalam mendokumenkan cerita ini, seperti melalui temu bual sejarah lisan, kajian dokumentasi dan merekodkan persembahan makyung dengan melakonkan dan mempersembahkan kembali cerita tersebut. Malah, kaedah pendokumentasian ini perlu mengambil kira pelaksanaannya dengan menggunakan infrastruktur teknologi maklumat, seperti kemudahan platform teknologi dan multimedia.

Sebagai rumusan, pendokumentasian koleksi warisan, terutamanya cerita-cerita makyung, di negara ini bukanlah satu tanggungjawab yang harus dipandang mudah. Malah, usaha pendokumentasian ini memerlukan kolaborasi dan konsolidasi banyak pihak, terutamanya penggiat seni, budayawan serta komuniti dalam seni warisan kebudayaan negara. Tanpa mereka, agensi seperti IWN pastinya tidak dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan sempurna. Budaya mendokumentasikan maklumat juga perlu diterapkan kepada setiap lapisan generasi bagi memastikan seni budaya ini terus mekar dan disanjung tinggi selama-lamanya.

Antara kumpulan makyung yang terkenal di Malaysia:

- 1 Mak Yong Che Kamala
- 2 Mak Yong Anak Keli
- 3 Mak Yong Maknab Raja
- 4 Mak Yong Makmah Paksin
- 5 Mak Yong Maimunah
- 6 Mak Yong Maknah Junoh
- 7 Mak Yong Bidah Anak Ular
- 8 Mak Yong Dolah Mak Aji

Senarai cerita makyung

1. *Anak Raja Gondang*
2. *Andera Dewa*
3. *Bedara Muda*
4. *Bongsu Sakti (Dewa Bongsu)*
5. *Dewa Bisnu, Bisnu Dewa*
6. *Dewa Indera, Indera Muda*
7. *Dewa Muda*
8. *Dewa Panah (Anak Raja Panah)*
9. *Dewa Pecil/Pechil*
10. *Dewa Samadaru*
11. *Dewa Sakti (Raja Sakti)*
12. *Gading Bertimang*
13. *Puteri Timun Muda*
14. *Raja Besar*
15. *Raja Besar dalam negeri Ho Gading*
16. *Raja Besar Sinar Matahari*
17. *Raja Dua Serupa*
18. *Raja Kecil*
19. *Raja Muda La'leng/ Lakleng/Laklin*
20. *Raja Muda Lembek*
21. *Raja Muda Pinang Mawang*
22. *Raja Tangkai Hati*
23. *Tuan Bijak Laksana*